



SIARAN MEDIA

KERAJAAN PERSEKUTUAN LAKSANA PENGGANTIAN SERENTAK DALAM PROSES PEWARTAAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah mewartakan kawasan seluas 23.83 hektar di Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) baharu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. HSK tersebut dikenali sebagai Hutan Simpan (HS) Sungai Besi (Tambahan) melalui siaran Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 495/2021 bertarikh 8 Oktober 2021. HSK ini diwartakan sebagai “hutan perlindungan” dan dikelaskan sebagai “hutan penyelidikan”, “hutan lipur” dan “hutan pelajaran” di bawah subseksyen 10(1) dan diisytiharkan sebagai “hutan tertutup” di bawah seksyen 45 Akta 313.

HSK di Wilayah Persekutuan (WP) terletak di bawah bidang kuasa Menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan, iaitu Menteri Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan seksyen 2 dan seksyen 114 (Jadual Kelima) Akta 313, dan dibaca bersama Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [P.U. (A) 450/2017] dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [P.U. (A) 451/2017]. Pengurusan HSK di WP dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP).

Pewartaan HS Sungai Besi (Tambahan) yang merupakan jenis hutan dipterokarpa tanah pamah (*lowland dipterocarp forest*) adalah untuk menggantikan kawasan HS Bukit Sungei Puteh, Mukim Cheras, WPKL seluas 7.48 hektar yang diwarta keluar bagi pembangunan Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) melalui siaran Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 494/2021 pada tarikh yang sama.

Sebelum pewartaan ini, HSK di WPKL adalah seluas 68.27 hektar iaitu 0.28% daripada keluasan tanah WPKL meliputi HS Bukit Nanas (9.37 hektar), HS Bukit Sungei Puteh (14.51 hektar), HS Sungai Besi (42.29 hektar) dan HS Bukit Lagong Tambahan (2.10 hektar).

Keluasan HS Sungai Besi (Tambahan) yang diwartakan ini adalah lebih besar daripada HS Bukit Sungei Puteh yang diwarta keluar. Penggantian HSK secara serentak ini meningkatkan kawasan hutan di WPKL kepada 0.35% daripada keluasan tanah WPKL. Pewartaan ini juga mewujudkan kompleks HS Sungai Besi – HS Sungai Besi (Tambahan) seluas 66.12 hektar, mewakili 78.13% daripada keseluruhan kawasan HSK di WPKL yang berperanan sebagai *green lung* bagi Bandaraya Kuala Lumpur.

Proses pewartaan keluar dan penggantian HSK secara serentak yang berlaku ini adalah selaras dengan hasrat dan cadangan pindaan Akta 313 yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan. Proses ini juga merupakan manifestasi komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok-pokok.

Saya mengambil peluang mengumumkan kejayaan mewartakan HSK ini sempena Program Penghijauan Malaysia yang diadakan di Putrajaya pada hari ini. Program ini adalah satu usaha kerjasama strategik dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya di bawah Agenda Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ke arah meningkatkan litupan hijau di WP Putrajaya. Pada hari ini, saya berkesempatan menanam pokok Cempaka Hutan (*Gardenia carinata*) iaitu pokok teduhan berbunga tempatan dan menamakan Sisiran Tasik Presint 19 Putrajaya sebagai Dirian Hijau Putrajaya.

KeTSA ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pewartaan HSK ini. KeTSA berharap agar perkara ini dapat terus dicontohi oleh Pihak-pihak Berkuasa Negeri untuk mewartakan lebih banyak kawasan hutan sebagai HSK di negeri masing-masing bagi memelihara khazanah negara yang tidak ternilai ini.

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

9 OKTOBER 2021